

AKTA WARISAN KEBANGSAAN 2005 (AKTA 645): PENILAIAN DARI ASPEK PERUNDANGAN DAN PENGUATKUASA

MOHD YUSZAIDI MOHD YUSOFF
Universiti Kebangsaan Malaysia
yuszaidy@ukm.edu.my

MUAMMAR GHADDAFI HANAFIAH
Universiti Kebangsaan Malaysia
muammar@ukm.edu.my

ABSTRAK

Kajian ini membincangkan mengenai impak undang-undang terhadap warisan di Malaysia. Warisan yang dimiliki perlu diberikan perlindungan sewajarnya supaya dapat dinikmati generasi seterusnya. Kerajaan telah menggubal Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645) untuk memberi perlindungan yang wajar dan komprehensif kepada warisan negara. Objektif kajian ini ialah mengenal pasti keberkesanan Akta Warisan Kebangsaan dalam memberi perlindungan terhadap warisan negara. Kajian ini menggunakan metodologi kajian kualitatif iaitu pemerhatian dan kajian perpustakaan dalam usaha mengumpul bahan-bahan kajian. Keperluan suatu bentuk perlindungan dari segi undang-undang diinterpretasikan melalui Akta Warisan Kebangsaan. Penemuan kajian ini mendapati penggubalan Akta Warisan Kebangsaan berkemampuan memberi perlindungan melalui peruntukan undang-undang yang termaktub di dalamnya. Justeru itu, kajian ini dapat memberi sumbangan yang bermakna dalam usaha memberi perlindungan kepada warisan negara.

Kata kunci: Akta Warisan Kebangsaan (Akta 645); impak; perlindungan; undang-undang; dan warisan

NATIONAL HERITAGE ACT 2005 (ACT 645): EVALUATION FROM THE PERSPECTIVE OF LAW HERITAGE AND ENFORCEMENT

ABSTRACT

This study discusses the impact of the law on the heritage in Malaysia. This heritage should be given adequate protection so that it can be enjoyed by future generations. The government has enacted the National Heritage Act 2005 (Act 645) to provide a fair and comprehensive protection to the heritage. The objective of this study is to identify the effectiveness of the National Heritage Act in providing protection to the heritage. This study used qualitative research methodology of observation and library research in an effort to collect study materials. The requirements of some form of protection in terms of the law are interpreted by the National Heritage Act. The results showed the National Heritage Act is capable in providing protection through legal provisions enshrined in it. Therefore, this study can give a meaningful contribution in order to provide protection to the heritage.

Keywords: Law; the heritage; National Heritage Act (Act 645); impact; protection

PENGENALAN

Malaysia bukan sahaja negara yang bersifat semenanjung dan kepulauan tetapi mempunyai penduduk berbagai suku sama ada penduduk peribumi mahupun yang berasal dari luar kepulauan Melayu. Dengan itu ia mempunyai kekayaan warisan yang tidak terhingga baik berbentuk alam semula jadi mahu budaya dan seni]. Masyarakat tempatan yang masih mengamalkan tradisi masing-masing dengan penuh kebanggaan dan keceriaan mengenai kebudayaan dan kesenian (Mohamed Anwar Omar Din, 2008). Namun, langkah berjaga-jaga perlu difikirkan supaya tradisi itu terus diwarisi dan menjadi kebanggaan etnik masing-masing. Kealpaan dan tidak perihatin kepada tradisi yang diwarisi boleh mengalami kepupusan dan kehilangan tanpa disedari (Yuszaidy Mohd Yusoff, Mohamad Nazri Ahmad dan Mohamed Anwar Omar Din, 2009). Begitu juga dengan keindahan alam semula jadi seperti pantai yang memutih dan hutan belantara yang indah turut perlu diberikan perhatian dari segi penjagaan dan pemeliharaan daripada kerosakan, dan kemusnahan tindakan manusia, alam dan haiwan.

Keperluan penjagaan dan perlindungan diperlukan supaya tradisi dan warisan alam semula jadi kekal dan terlindung daripada pelbagai ancaman (Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff, Hanapi Dollah, dan Ab. Samad Kechot, 2010). Masyarakat tempatan perlu disedarkan tentang keperihatin mengenai warisan dimiliki. Kesungguhan usaha menjaga dan disokongkan melalui undang-undang dapat memberi perlindungan yang sewajarnya. Pengenalanan undang-undang berkaitan warisan diharapkan dapat memberi perlindungan dan pemeliharaan yang sewajar kepada warisan di Malaysia. Peruntukan yang ada pada undang-undang itu dapat memberi kuasa penguatkuasaan dan meluaskan bidang kuasanya.

OBJEKTIF

Kajian yang dilakukan di Jabatan Warisan Negara ini adalah bertujuan untuk melihat bagaimana impak Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645) yang telah digubal oleh kerajaan dalam usaha memberi perlindungan terhadap warisan.

METODOLOGI

Kajian ini merupakan kajian berbentuk etnografi yang menggunakan kaedah pemerhatian dan kajian perpustakaan dalam usaha mengumpulkan data kajian. Kajian ini juga menggunakan teknik interpretasi atau teknik analisis kandungan dalam menterjemahkan data kajian yang diperlukan sahaja. Melalui teknik interpretasi, hasil dapat dijelaskan secara penghujahan yang kuat mengikut data yang diperlukan.

AKTA WARISAN KEBANGSAAN 2005 (AKTA 645) DAN WARISAN

Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645) telah menjelaskan warisan adalah seperti warisan kebudayaan, mana-mana tapak warisan, objek warisan, warisan budaya bawah air atau mana-mana orang hidup diisytiharkan sebagai warisan kebangsaan. Secara umum, warisan boleh dibahagikan kepada empat kategori seperti warisan budaya, warisan alam semula jadi, warisan budaya bawah air dan warisan tokoh orang hidup. Warisan budaya boleh dipecahkan kepada dua bahagian iaitu warisan budaya ketara dan warisan budaya tidak ketara. Begitu juga, warisan

budaya bawah air boleh dibahagikan kepada dua kumpulan iaitu warisan budaya bawah air ketara dan warisan budaya bawah air tidak ketara. Kesemua warisan ini amat memerlukan perlindungan daripada pelbagai aspek seperti perundangan dan penguatkuasaan. Kedua-dua elemen ini amat begitu penting bagi sebuah negara Malaysia yang sedang membangun menghadapi cabaran dan persaingan dalam pembangunan negara.

Konvensyen 2003 telah menekan setiap ahli negara yang menganggotai badan UNESCO perlu menggubal satu rang undang-undang baharu berkenaan dengan perlindungan warisan (Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff, Hanapi Dollah dan Ab. Samad Kechot, 2013). Perubahan teknologi komunikasi terutamanya media baharu dan ledakan globalisasi memaksa setiap negara perlu mengambil perhatian sewajar terhadap warisan yang dimiliki (Yuszaidy Mohd Yusoff, Hanapi Dollah dan Ab. Samad, 2011) & (Amelia Abdul Aziz, 1993). Perubahan yang drastik di luar negara telah memberi tekanan kepada negara perlu melakukan sesuatu supaya warisan yang ada tidak mengalami kecurian atau hilang begitu sahaja.

Sebelum ini, negara Malaysia mempunyai dua undang-undang berkaitan dengan warisan di samping beberapa undang-undang yang sedia ada tetapi tidak menyeluruh (Abdul Munir Yaacob 1989). Pada peringkat awal, negara bergantung undang-undang yang digubal sejak zaman kolonial British yang diambil daripada luar iaitu Akta Harta Karun 1957 (Akta 524) (Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff, 2015). Namun, akta ini terlalu lemah dari segi peruntukan kerana hanya merujuk kepada harta karun sahaja berbanding dengan perkara-perkara lain berkaitan perlindungan dan pemuliharaan warisan. Akta 524 telah dimansuh dan digantikan dengan Akta Benda Purba 1976 (Akta 168). Akta ini diguna pakai agak lama sehingga tahun 2005 (Abdul Azizi Hussain 2011). Pada tahun 2005, Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645) digubal dan bertindak sebagai akta utama dalam bidang yang berkaitan dengan khazanah warisan, Akta Benda Purba 1976 (Akta 168) dan Akta Harta Karun 1957 (Akta 542) tidak boleh diterima pakai kerana telah berlaku pindaan dan dimansuhkan.¹

Namun masih terdapat beberapa akta yang sedia ada hanya berperanan dan berfungsi di peringkat negeri dan kerajaan tempatan seperti undang-undang kerajaan negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan Perancangan Bandar dan Desa² yang mempunyai hubungan dengan khazanah warisan masih dikuatkuasakan dan diterima pakai (Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff, 2015). Namun begitu, penggunaan enakmen dan ordinan di peringkat negeri bergantung kepada sesuatu perkara boleh diguna pakai selagi peruntukan pada enakmen dan ordinan itu tidak bercanggah peruntukan Perlembagaan Persekutuan (Senarai Bersama, Jadual 9) (Norliza Rofli & Eddin Khoo 2009: 25). Hal ini bermakna peruntukan itu boleh dirujuk dan menjadi garis panduan mengikut peruntukan yang dibenarkan. Perbincangan hanya merujuk kepada peruntukan seksyen yang berkaitan dengan khazanah warisan seperti telah dinyatakan dan termaktub di dalam Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645).

Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645) ialah sesuatu Akta yang memberi peruntukan bagi pemeliharaan dan pemuliharaan terhadap warisan kebangsaan, warisan kebudayaan ketara, warisan kebudayaan tidak ketara dan warisan semula jadi (Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff, Hanapi Dollah dan Ab. Samad, 2011). Hal ini juga memberikan dasar, kaedah dan peraturan berkaitan perlindungan dan pengurusan khazanah warisan. Salah satu peruntukan yang penting pada Akta 645 iaitu mewujudkan Daftar Warisan Kebangsaan³. Daftar Warisan Kebangsaan diwujudkan mengikut peruntukan Seksyen 23 perlu menyediakan tempat kepada mana-mana warisan hendak dikategorikan sebagai senarai warisan dan senarai kebangsaan. Pihak berkuasa perlu menyediakan senarai-senarai warisan supaya dapat didaftarkan dan Daftar Warisan Kebangsaan. Oleh itu, usaha berkenaan perlu ditanggungjawabkan bersama kepada pelbagai pihak termasuk

Kerajaan Negeri.⁴

Peruntukan Seksyen 23(1) telah memberi bidang kuasa kepada Pesuruhjaya untuk mendaftar warisan. Pesuruhjaya dibolehkan menentukan sesuatu warisan yang boleh diangkat sebagai Warisan Kebangsaan. Pada Seksyen 23, menyatakan dengan jelas tugas dan tanggungjawab Pesuruhjaya untuk mewujudkan Daftar Warisan dan menyenggarakan sesuatu daftar sebagaimana yang ditetapkan yang mengandungi senarai butiran warisan yang didaftarkan. Begitu juga menjadikan daftar yang sedia ada untuk pemeriksaan awam. Peruntukan penuh Seksyen 23 adalah seperti berikut:

Seksyen 23 (1) Pesuruhjaya hendaklah mewujudkan dan menyenggarakan suatu daftar yang dikenali sebagai Daftar Warisan Kebangsaan sebagaimana yang ditetapkan yang mengandungi senarai butiran warisan yang didaftarkan di bawah Akta ini. (2) Pesuruhjaya hendaklah menjadikan Daftar tersedia untuk pemeriksaan awam tertakluk kepada apa-apa syarat sebagaimana yang difikirkannya patut.

Selain itu, Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645) digubal mengikut situasi dan keperluan negara serta aspek yang berkaitan perlindungan dan pemuliharaan warisan. Penggubalan Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645) supaya dapat mewujudkan satu dasar dan pelaksanaan yang utuh dan mampu mempopularkan khazanah negara.

Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi pemuliharaan dan pemeliharaan warisan kebangsaan, warisan semula jadi, warisan kebudayaan ketara dan tidak ketara, warisan kebudayaan di bawah air, harta karun dan bagi perkara-perkara yang berkaitan.⁵ [1 Mac 2006; P.U. (B) 53/2006]

Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645) jelas menyatakan tanggungjawab dan peranannya dalam bidang pemuliharaan dan pemeliharaan warisan sepenuhnya. Ini bermakna, pelbagai warisan tertakluk kepada akta ini seperti warisan budaya ketara, warisan budaya tidak ketara, warisan semula jadi, warisan budaya di bawah permukaan air dan warisan tokoh orang hidup. Kesemua warisan ini diberi perlindungan mengikut peruntukan yang telah termaktub dalam akta tersebut. Keperluan perlindungan dan pemuliharaan amat penting supaya dapat terus dinikmati dan menjadi kebanggaan kepada negara. Selain itu, Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645) merupakan undang-undang yang boleh menjana penyelidikan dan promosi pelbagai aspek berkaitan khazanah warisan (Abdul Aziz Hussain 2011).

Pelantikan ketua yang bertanggungjawab dengan warisan berkaitan dengan peruntukan terdapat dalam Akta 645. Mengikut seksyen 7, Menteri yang bertanggungjawab berhak melantik seorang Pesuruhjaya Warisan seperti mana pada peruntukannya.⁶ Pelantikan seorang Pesuruhjaya Warisan merupakan suatu yang penting yang menunjukkan bidang kuasanya luas dan tertakluk kepada peruntukan-peruntukan iaitu seperti mempunyai fungsi yang penting untuk memantau, menyelaras dan menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh khazanah warisan.⁷

Namun begitu, bidang kuasa Pesuruhjaya juga diimbangi satu jawatankuasa supaya perjalanan organisasi dan fungsi Pesuruhjaya tidak tersasar atau keluar daripada peruntukan ditetapkan. Akta 645 juga memperuntukkan keperluan penubuhan sebuah jawatankuasa yang bertanggungjawab melaksanakan perjalanan organisasi dan memberi nasihat kepada Pesuruhjaya. Mengikut peruntukan sedia ada dalam Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645) memerlukan penubuhan sebuah majlis iaitu Majlis Warisan Kebangsaan. Majlis dianggotai seramai dua belas ahli yang dilantik oleh Menteri dengan diketuai seorang Pengerusi yang juga dilantik oleh Menteri.⁸

Begitu juga tempoh pelantikan sebagai ahli majlis selama tempoh yang tidak melebihi tiga tahun seperti ditentukan oleh Menteri.⁹ Majlis Warisan Kebangsaan menjalankan tugas

mengikut fungsi yang telah dinyatakan pada peruntukan Seksyen 9 iaitu seperti:

Seksyen 9 (1) Fungsi Majlis adalah-

(a) untuk menasihati Menteri dan Pesuruhjaya tentang segala perkara yang berhubungan dengan warisan, dan pentadbiran wajar dan penguatkuasaan undang-undang yang berhubungan dengan warisan; dan

(b) untuk menasihati Menteri dan Pesuruhjaya tentang mana-mana perkara yang dirujuk kepada mereka oleh Menteri atau Pesuruhjaya.

Majlis Warisan Kebangsaan akan memberi nasihat yang sewajarnya kepada Menteri dan Pesuruhjaya mengenai sebarang keputusan berkaitan warisan. Keputusan yang dikeluarkan atau nasihat diberikan tidak semestinya diikuti atau diberikan perhatian, sebaliknya perlu melihat dan merancang. Namun begitu, Menteri dan Pesuruhjaya boleh tidak mengikut arahan atau keputusan yang dibuat oleh Majlis Warisan Kebangsaan. Menteri atau Pesuruhjaya boleh menolak tanpa sebarang keputusan mengikut pertimbangan pemikiran yang diambil oleh Menteri atau Pesuruhjaya. Penolakan ini jelas dinyatakan pada peruntukan Seksyen 9 (2) iaitu Menteri dan Pesuruhjaya tidak terikat untuk tindak atas nasihat majlis.

IMPAK UNDANG-UNDANG TERHADAP WARISAN

Keperluan undang-undang dalam usaha memberi perlindungan yang tegas dan ketat amat penting bagi menjamin pengkalan warisan bernilai tinggi. Masyarakat secara keseluruhan amat bersetuju dengan penggubalan undang-undang kerana telah menetapkan peraturan-peraturan yang perlu diikuti dan dipatuhi (Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff, 2015). Penggubalan atau mewujudkan sesuatu perundangan dapat memberikan keyakinan kepada masyarakat tentang keselamatan kerana dilindungi undang-undang tersebut. Begitu juga, undang-undang berkaitan dengan warisan dapat menjamin pengkalan dan pemeliharaan secara perlindungan dan dinaungi undang-undang itu.


Perlindungan Warisan Ketara

Pembangunan tanpa terancang dan pembalakan secara haram boleh memusnahkan tapak-tapak warisan di negara ini. Kemusnahan ini boleh diakibatkan daripada runtuh tanah, keretakan pada permukaan tanah tapak dan hakisan tanah tapak boleh memberi kesan yang teruk kepada tapak-tapak warisan negara (Campbell, G. 2003). Oleh itu, tapak-tapak warisan yang di dalam negara ini perlu diisytiharkan sebagai warisan negara. Keperluan pengisytiharan adalah penting untuk memberi perlindungan yang sewajarnya. Perlindungan agak penting untuk mengelakkan berlaku pencerobohan atau dimusnahkan akibat pembangunan fizikal (Garbara, T 2006). Selain itu, pemunya tapak itu boleh menerima bantuan kewangan untuk penyelenggara dan memulihara tapak itu. Hal ini adalah di antara tindakan yang diambil untuk mengekalkan sebagai tapak warisan negara.

Akta 645 jelas menyatakan bidang kuasa yang dimiliki oleh Pesuruhjaya Warisan iaitu mempunyai kuasa menentukan keputusan mana-mana tapak yang boleh dijadikan sebagai tapak warisan semula jadi atau warisan kebudayaan yang mempunyai nilai yang tinggi dan bersejarah untuk dijadikan sebagai tapak warisan seperti peruntukan Seksyen 24. Peruntukan seksyen itu memberi kuasa kepada Pesuruhjaya untuk memilih mana-mana tapak yang difikirkan sesuai dan bermanfaat pada masa hadapan. Selain keupayaan untuk menjana sumber pendapatan dan lokasi produk pelancongan tumpuan orang ramai (Johan Afendi Ibrahim dan Mohd Zaki Ahmad, 2012)

& (Ooi Keat Gin, 2012). Keperluan ini diperlukan untuk mewartakan tapak warisan untuk diangkat sebagai warisan negara sebagai perlindungan dan pemuliharaan. Namun begitu, Pesuruhjaya Warisan mempunyai kewajaran untuk memastikan tapak itu sebagai tapak warisan.

Proses pengisytiharan dan pewartaan tapak-tapak warisan dan zon penampakan di Malaysia boleh dirujuk pada Rajah 1 berikut:



RAJAH 1. Proses perisytiharan dan pewartaan perlindungan tapak-tapak warisan
Sumber: Kajian lapangan 2014

Peruntukan Seksyen 25 yang menjelaskan tapak warisan semula jadi atau warisan kebudayaan yang bernilai yang berhampiran dengan tapak yang akan diangkat sebagai tapak

warisan untuk diwartakan turut boleh diberikan kelulusan jika Pesuruhjaya Warisan berpuas hati terhadap tapak itu untuk diberi hak perlindungan dan penambahbaikannya yang membolehkan tapak itu dijadikan dan diwartakan sebagai tapak warisan negara. Pewartaan tapak warisan perlu merujuk kepada status tapak yang hendak diberikan status tapak warisan bersama dengan zon penampakan. Zon penampakan amat penting untuk mewujudkan garis sempadan atau kedudukan tapak itu daripada dicerobohi dan dimasuki untuk pembangunan.

Begitu juga, peruntukan Seksyen 38 menjelaskan keperluan aspek pemuliharaan dan pemeliharaan yang berhubung rapat dengan jagaan tapak warisan yang dimiliki secara individu atau Kerajaan Negeri. Seksyen 38 membenarkan pihak kerajaan menjalankan kerjasama dengan mana-mana pihak dalam usaha untuk pemuliharaan dan pemeliharaan tapak warisan. Mengikut peruntukan tersebut, Pesuruhjaya boleh mengurus selepas berunding dan mendapat kebenaran daripada individu atau Kerajaan Negeri. Seksyen 38 yang membolehkan kuasa kepada pihak berkuasa tempatan untuk membuat pemeriksaan, penyenggaraan, pemuliharaan dan pemeliharaan tapak warisan.

Peruntukan ini juga membenarkan Pihak Berkuasa Tempatan membeli atau memajakkan tapak dengan mengikut peruntukan berhubung dengan pengambilan tanah bagi maksud awam. Begitu juga, peruntukan seksyen ini juga membenarkan Pihak Berkuasa Tempatan memindahkan keseluruhan atau mana-mana bahagian bangunan atau monumen di atas tapak bersejarah untuk tujuan pemuliharaan dan pemeliharaan setelah diambil perkiraan dengan pemilik tanah atau penduduk¹⁰ yang terbabit.¹¹

Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645) banyak memberi ruang kepada warisan ketara dalam usaha perlindungan dan pemuliharaan. Peruntukan Seksyen 40 membolehkan Pesuruhjaya menyelaraskan dan menasihati pihak berkuasa perancang tempatan¹² tentang apa-apa pembangunan atau pengubahsuaian sesuatu tapak warisan diberikan. Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645) menyatakan keperluan kebenaran yang perlu diperolehi pihak berkuasa perancang tempatan sebelum melakukan sebarang aktiviti di atas tapak tanah warisan. Persetujuan amat diperlukan untuk tujuan selarasan dan menasihati pihak berkuasa perancang tempatan mengenai pembangunan atau pengubahsuaian di atas tapak itu.

Begitu juga, jika pihak berkuasa perancangan tempatan merujuk apa-apa permohonan oleh mana-mana orang bagi kebenaran merancang atau perintah pembangunan kepada Pesuruhjaya, permohonan itu hendaklah mengandungi butiran-butiran yang dinyatakan pada peruntukan Seksyen 40 (2).

(2) Jika pihak berkuasa perancang tempatan merujuk apa-apa permohonan oleh mana-mana orang bagi kebenaran merancang atau perintah pembangunan kepada Pesuruhjaya, permohonan itu hendaklah mengandungi-

- (a) butir-butir yang mencukupi untuk mengenal pasti monumen yang dimaksudkan oleh permohonan itu, termasuk pelan susun aturnya, pelan bangunan terukur dan fotografi tiap-tiap sudutnya, termasuk bahagian luar dan bahagian dalam monumen itu;
- (b) apa-apa pelan dan lukisan yang lain sebagaimana yang diperlukan untuk memerihalkan kerja yang menjadi perkara permohonan itu;
- (c) langkah-langkah yang telah diambil bagi memastikan keselamatan tapak warisan dan tanah yang berdekatan; dan
- (d) apa-apa butir yang lain sebagaimana yang dikehendaki oleh Pesuruhjaya.


Peruntukan Seksyen 40 (4) juga membolehkan Pesuruhjaya hendaklah menasihati pihak berkuasa perancangan tempatan supaya mengenakan syarat-syarat apabila memberikan

kebenaran merancang atau perintah pembangunan yang melibatkan sesuatu tapak warisan yang boleh termasuk seperti:

- (a) menghendaki pematuhan mana-mana garis panduan dan tatacara pemuliharaan yang dikeluarkan oleh Menteri;
- (b) menghendaki pembayaran apa-apa kerosakan yang disebabkan kepada mana-mana tapak warisan selepas kerja yang dibenarkan oleh kebenaran merancang atau perintah pembangunan itu selesai; atau
- (c) menghendaki perlindungan dan pengekalan mana-mana ciri tertentu tapak warisan itu.

Begitu juga mengikut peruntukan Seksyen 41(1), membolehkan Pesuruhjaya mengeluarkan perintah pemeliharaan monumen ke atas pemunya monumen bagi maksud memulihara dan memelihara tapak warisan. Pesuruhjaya dengan persetujuan Pihak Berkuasa Negeri berpuas hati bahawa mana-mana monumen yang dianggap sesuai untuk didaftarkan sebagai tapak warisan adalah dalam keadaan usang atau dalam bahaya hampir dirobohkan, dimusnahkan, dan dirosakkan atau diubah. Pesuruhjaya hendaklah menyampaikan kepada pemunya monumen itu suatu Perintah Pemeliharaan Monumen sementara menunggu kelulusan pendaftarannya. Peruntukan Seksyen 41 (2) dan Seksyen 41 (3) pula menyatakan perintah pemeliharaan monumen hendaklah mengandungi apa-apa syarat sebagaimana yang dinyatakan dan hendaklah berkuat kuasa sebaik sahaja Perintah itu disampaikan kepada pemunya monumen itu.¹³

Proses perlindungan monumen dapat dirujuk pada Rajah 2 berikut:



RAJAH 2. Perlindungan monumen daripada kerosakan, kehancuran dan kemusnahan
Sumber: Kajian lapangan 2014

Pada peruntukan Seksyen 43, telah memberi peruntukan kepada Pesuruhjaya kuasa untuk membiayai kerja pemuliharaan dan pemeliharaan di suatu tapak warisan. Peruntukan itu telah menyatakan dengan jelas mengenai bidang kuasa Pesuruhjaya dibolehkan untuk memberi bantuan kewangan kepada tuan punya tapak warisan. Mengikut peruntukan pada Seksyen 43 (1) (2) (3) (4), peruntukan bantuan kewangan boleh diberikan kepada pemunya tapak warisan melalui apa-apa pemberian atau pinjaman bagi menjalankan apa-apa kerja pemuliharaan dan pemeliharaan di atas tapak warisan. Pesuruhjaya juga boleh melakukan apa-apa aktiviti mengikut apa yang fikirkan ke atas tapak warisan melalui sumber kewangan daripada Kumpulan Wang bagi kerja-kerja pemuliharaan dan pemeliharaan dengan mengenakan syarat sebagaimana yang difikirkan sesuai ke atas pemunya. Peruntukan Seksyen 43 telah membantu pemunya tapak warisan sumber kewangan untuk kerja-kerja pemuliharaan dan pemeliharaan.¹⁴

Keunikan Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645) adalah diperuntukkan satu seksyen yang berkaitan dengan kawasan pemuliharaan bagi melindungi tapak warisan daripada tindakan pencerobohan dan dimasuki secara haram (Yuszaidy Mohd Yusoff, Hanapi Dollah dan Ab. Samad, 2011). Seksyen 45 (1) (2) telah memperuntukkan dengan jelasnya mengenai kedudukan tapak kawasan yang sepatutnya. Kawasan warisan hendak dipulihara dan pelihara perlu mengikut pelan pengurusan pemuliharaan dengan mengadakan zon penampakan di sekeliling suatu pusat utama atau di sekeliling tapak yang telah ditetapkan sebagai tapak warisan (Yazid Saleh, 2010). Kawasan pemuliharaan telah diperuntukkan kepada pihak berkuasa tempatan untuk menentukan tapak warisan di bawah pentadbirannya.

Perlindungan Warisan Tidak Ketara

Peruntukan Seksyen 47 (1) merujuk kepada perjumpaan objek¹⁵ iaitu mana-mana orang yang menjumpai apa-apa objek yang dia mempunyai sebab untuk dipercayai mempunyai warisan kebudayaan yang penting hendaklah dengan serta-merta memberitahu Pesuruhjaya, mana-mana pegawai yang diberi kuasa atau Pegawai Daerah bagi daerah tempat objek itu dijumpai, dan jika boleh dilaksanakan, menghantarkan objek itu kepada Pesuruhjaya, pegawai yang diberi kuasa atau Pegawai Daerah yang hendaklah memberikan suatu pengakuterimaan bertulis mengenainya. Begitu juga pada peruntukan Seksyen 47 (5) ada menyatakan mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) atau (4) melakukan suatu kesalahan dan boleh apabila disabitkan didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.


Peruntukan Seksyen 49 (1) membolehkan Pesuruhjaya mengisytiharkan mana-mana objek dipercayai mempunyai nilai warisan kebudayaan yang penting sebagai suatu objek warisan yang perlu didaftarkan pada Daftar Warisan Kebangsaan dan disiarkan dalam Warta kerajaan. Namun begitu, Pesuruhjaya perlu mendapat persetujuan daripada pemiliknya selepas penerangan lebih lanjut mengenai objek yang perlu diangkat sebagai objek warisan kebudayaan. Persetujuan penting untuk mengelakkan berlaku sebarang tindakan yang tidak dijangka akan berlaku daripada pemiliknya tidak berpuas hati. Peruntukan penuh Seksyen 49 (1) (2) adalah seperti berikut:

Seksyen 49. (1) Pesuruhjaya boleh mengisytiharkan dalam *Warta* apa-apa objek yang mempunyai warisan kebudayaan yang penting sebagai suatu objek warisan dan hendaklah menyebabkannya disenaraikan dalam Daftar.

(2) Sebelum membuat pengisytiharan di bawah subseksyen (1), keizinan pemunya objek

itu hendaklah diperoleh dan bagi maksud itu, Pesuruhjaya boleh memberi apa-apa peluang terlebih dahulu kepada pemunya untuk membuat representasi atau penghujahan berhubung dengan pengisytiharan yang dicadangkan sebagaimana yang boleh dilaksanakan dalam hal keadaan itu dan mengikut apa-apa cara yang ditetapkan.

Proses perlindungan dan pendaftaran bagi objek warisan boleh dirujuk pada Rajah 3 berikut:



RAJAH 3. Proses perlindungan objek warisan
Sumber: Kajian lapangan 2014

Begitu juga peruntukan Seksyen 60 (1) menerangkan mengenai pemuliharaan warisan kebudayaan tidak ketara iaitu menerangkan pemilik warisan tidak ketara perlu mengambil tindakan yang sesuai untuk membangunkan, mengenal pasti, menghantar, menyebabkan dilaksanakan dan memudahkan penyelidikan ke atas warisan kebudayaan tidak ketara mengikut garis panduan dan tatacara yang ditetapkan dan Pesuruhjaya boleh melakukan sebarang tindakan yang bersesuaian supaya pemilik warisan kebudayaan tidak ketara mengikut garis panduan dan tatacara ditetapkan. Peruntukan penuh Seksyen 60 (1) adalah seperti berikut:

Seksyen 60 (1) Pemunya atau penjaga objek warisan dalam bentuk suatu warisan kebudayaan tidak ketara hendaklah mengambil segala langkah yang perlu untuk membangunkan, mengenal pasti, menghantar, menyebabkan dilaksanakan dan memudahkan penyelidikan ke atas warisan kebudayaan tidak ketara itu mengikut garis panduan dan tatacara yang ditetapkan.

(2) Pesuruhjaya boleh membuat apa-apa perkiraan dengan pemunya atau penjaga warisan kebudayaan tidak ketara itu bagi pematuhan garis panduan dan tatacara yang ditetapkan.

Perlindungan Warisan Budaya di Bawah Air


Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645) melalui peruntukan Seksyen 61 telah memberi perhatian terhadap perjumpaan warisan kebudayaan di bawah air. Sebelum ini tidak ada sebarang undang-undang menyatakan mengenai warisan kebudayaan yang terdapat di dalam air. Peruntukan Seksyen 61 yang termaktub telah menyatakan sebarang perjumpaan warisan kebudayaan di bawah air dalam perairan Malaysia dengan cepat secara memberi notis tentang perjumpaan itu.

Pegawai pelabuhan yang menerima notis perlu memberi notis secepat mungkin kepada Pesuruhjaya. Pesuruhjaya hendaklah menilai warisan kebudayaan di bawah air dan berpuas hati mempunyai nilai bersejarah boleh mendaftar sebagai warisan kebangsaan. Jika mana-mana orang yang tidak memberi notis di bawah subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan.¹⁶

Pesuruhjaya mengikut pendapatnya dan memikirkan warisan kebudayaan di bawah air yang mempunyai kepentingan kepada negara dan bernilai sejarah yang kurang daripada seratus tahun perlu menasihati Menteri untuk diisytiharkan sebagai warisan kebudayaan di bawah air. Menteri boleh mengisytiharkan warisan kebudayaan di bawah air melalui warta kerajaan.

Keperluan ini jelas dinyatakan pada Seksyen 63 (1) iaitu, “Jika Pesuruhjaya berpendapat bahawa mana-mana warisan kebudayaan di bawah air terletak di dalam perairan Malaysia mempunyai warisan kebudayaan yang penting tetapi berusia kurang daripada satu ratus tahun, dia hendaklah menasihati Menteri dan Menteri boleh melalui notis yang disiarkan dalam *Warta* mengisytiharkan tapak atau objek itu sebagai warisan kebudayaan di bawah air”.

Begitu juga pada peruntukan Seksyen 63 (2) menyatakan, “mana-mana tapak atau objek yang diisytiharkan sebagai suatu warisan kebudayaan di bawah air hendaklah disenaraikan dalam daftar”. Menteri atas nasihat Pesuruhjaya boleh mengisytiharkan sebagai warisan kebudayaan di bawah air yang penting dan perlu diberi perlindungan di samping pemuliharaan dan pemeliharaan. Proses perlindungan jumpaan objek warisan bawah air boleh dirujuk dalam Rajah 4 berikut:



RAJAH 4. Perlindungan jumpaan objek warisan bawah air
Sumber: Kajian lapangan 2014

Perlindungan Melalui Peruntukan Pengistiharan Warisan

Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645) juga melalui peruntukan Seksyen 67 telah memberi kuasa kepada Menteri untuk mengisytiharkan mana-mana tapak warisan, objek warisan, warisan kebudayaan di bawah air atau mana-mana orang yang sebagai suatu Warisan Kebangsaan. Perisytiharan oleh Menteri telah mengangkat kedudukan khazanah warisan sebagai sesuatu yang amat bernilai kepada negara. Peruntukan Seksyen 67 (1) menerangkan kuasa Menteri dibolehkan untuk mengisytiharkan khazanah warisan yang difikirkan sesuai dan bernilai yang dapat memberi sumbangan kepada negara melalui warta kerajaan dan disenaraikan pada Daftar Warisan. Menteri boleh membuat pertimbangan sebelum mengisytiharkan Warisan Kebangsaan, beberapa kepentingan yang perlu dilihat dan diambil perkiraan. Kriteria pengisytiharan warisan kebangsaan boleh dilihat pada peruntukan penuh Seksyen 67 (2) seperti berikut:


Seksyen 67 (2): Dalam membuat pengisytiharan di bawah subseksyen (1) Menteri boleh menimbangkan-

- (a) kepentingan sejarah, hubungan dengan atau perhubungan dengan sejarah Malaysia;
- (b) ciri-ciri reka bentuk atau estetik;
- (c) pembaharuan atau pencapaian saintifik atau teknikal;

- (d) hubungan sosial atau kebudayaan;
- (e) potensi untuk mendidik, menjelaskan atau menyediakan penyiasatan saintifik lanjut berhubung dengan warisan kebudayaan Malaysia;
- (f) kepentingan dalam mempamerkan kekayaan, kepelbagaian atau integrasi bentuk yang luar biasa;
- (g) jarang tidaknya atau keunikan warisan semula jadi, warisan budaya ketara atau tidak ketara atau warisan kebudayaan di bawah air;
- (h) gambaran bentuk suatu tapak atau objek sebagai sebahagian daripada kelas atau jenis suatu tapak atau objek; dan
- (i) apa-apa perkara lain yang berkaitan dengan penentuan warisan kebudayaan yang penting

Begitu juga peruntukan pada Seksyen 67 (5) menyatakan mengenai warisan tidak ketara memerlukan memperoleh persetujuan dengan hak cipta terpelihara sebelum diisytiharkan sebagai Warisan Kebangsaan. Dalam peruntukan itu jelas menerangkan keperluan tanda setuju atau izin untuk didaftar seperti berikut, Jika pengisytiharan di bawah subseksyen (1) melibatkan suatu warisan kebudayaan tidak ketara dan hak cipta masih wujud dalam apa-apa kerja, keizinan pemunya hak cipta itu hendaklah diperoleh sebelum apa-apa pengisytiharan dibuat. Proses pengisytiharan warisan kebangsaan boleh dirujuk pada Rajah 5.

Perisytiharan yang dibuat oleh pihak Menteri perlu mengikuti peruntukan yang telah ditetapkan. Selain itu perisytiharan perlu mengadakan perundingan dan mendapat persetujuan daripada pihak Kerajaan Negeri terlebih dahulu sekiranya warisan itu berada di bawah bidang kuasa kerajaan negeri. Oleh itu, persetujuan ini diperlukan untuk mengelakkan berlaku pertindihan di antara bidang kuasa Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.



RAJAH 5. Proses dan kriteria pengisytiharan warisan

Peruntukan Seksyen 68 membenarkan orang perseorangan memberi penamaan sesuatu warisan sebagai Warisan Kebangsaan. Oleh itu, Menteri tidak perlu bergantung dan terikat kepada Pesuruhjaya untuk menamakan penamaan sebagai Warisan Kebangsaan. Orang perseorangan juga berhak untuk menamakan sesuatu warisan seperti dinyatakan pada peruntukan Seksyen 68 begitu jelas menerangkan keperluan, “mana-mana orang boleh menamakan kepada Menteri mengikut bentuk yang ditetapkan apa-apa warisan semula jadi, warisan kebudayaan ketara atau tidak ketara, orang yang hidup atau warisan kebudayaan di bawah air untuk diisytiharkan sebagai Warisan Kebangsaan”.

Peruntukan yang terdapat dalam Akta 645 itu sendiri telah memberi jaminan ketegasan dan kekebalan setiap kategori warisan itu. Perlindungan melalui undang-undang terhadap warisan negara menunjukkan betapa pentingnya warisan itu kepada negara amnya masyarakatnya. Setiap peruntukan seksyen yang terkandung dalam Akta 645 jelas menyatakan mengenai keperluan memberi perlindungan dan pengekalan kepada warisan negara.

Penguatkuasaan Hukuman dan Denda

Antara peruntukan yang berkaitan kesalahan yang berhubungan dengan tapak warisan, objek warisan dan Warisan Kebangsaan. Kesalahan berkenaan dengan tapak warisan yang diperuntukkan pada Seksyen 112 (1) (2) menyatakan kesalahan yang dilakukan tidak mendapat kebenaran secara bertulis daripada Pesuruhjaya. Kebenaran bertulis perlu apabila hendak melakukan sebarang aktiviti di tapak warisan seperti:

- (a) mengorek, membina, menggali, membangun, menanam pokok, menguari, mengairi, membakar kapur atau mendepositkan tanah atau sampah, di atas atau di tapak warisan atau kawasan pemuliharaan;
- (b) merobohkan, mengganggu, menghalang, mengubah suai, menandakan, meruntuhkan atau mengalih mana-mana monumen di mana-mana tapak warisan;
- (c) mendirikan apa-apa bangunan atau struktur bersebelahan dengan suatu monumen di dalam mana-mana tapak warisan;
- (d) memusnahkan perhubungan antara suatu bangunan dengan alam sekitarnya yang tidak selaras dengan ciri-ciri kejiranan di mana-mana tapak warisan;
- (e) membersihkan mana-mana kawasan atau mengganggu, memusnahkan atau mengalih mana-mana pokok, tumbuhan bawah, rumpai, rumput atau tumbuh-tumbuhan di mana-mana tapak warisan; atau
- (f) melakukan apa-apa aktiviti atau tindakan yang mungkin menyebabkan kerosakan kepada tanah yang bersempadanan dan tanah di sekitarnya yang telah didaftarkan sebagai suatu tapak warisan.

Namun begitu seseorang individu atau kumpulan yang melakukan kesalahan kerana melanggar peruntukan Seksyen 112 (1) dibolehkan denda dan penjara atau menjalani kedua-duanya. Peruntukan subseksyen 2 menyebut mana-mana orang yang, tanpa kuasa yang sah, melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh apabila disabitkan dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 5 tahun atau didenda tidak melebihi 50 ribu ringgit atau kedua-duanya.

Peruntukan seterusnya mengenai kesalahan berhubungan dengan objek warisan yang dinyatakan pada Seksyen 113 iaitu menjatuhkan hukuman kepada sesiapa yang melanggar akta itu secara sengaja atau tidak terhadap objek warisan. Denda yang dikenakan tidak melebihi 50 ribu ringgit dan penjara selama tempoh yang tidak melebihi lima tahun atau menjalani kedua-dua bergantung kepada keputusan mahkamah. Peruntukan penuh Seksyen 113 adalah seperti di sebelah:

Seksyen 113. Mana-mana orang yang memusnahkan, merosakkan, mencacatkan, melupuskan atau mengubah sesuatu warisan kebudayaan ketara, tanpa suatu permit yang dikeluarkan oleh Pesuruhjaya melakukan suatu kesalahan dan boleh apabila disabitkan dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau kedua-duanya.

Ketegasan terhadap penguatkuasaan amat penting untuk menyedarkan individu dan berkumpul mengenai keprihatinan pihak kerajaan terhadap khazanah warisan. Hukuman denda dan penjara yang tegas merupakan langkah atau tindakan yang diambil untuk mencegah perbuatan yang menyalahi peraturan dan perlindungan terhadap khazanah warisan.

Peruntukan Seksyen 114 (1) pula mengenai kesalahan yang dilakukan ke atas Warisan Kebangsaan¹⁷. Warisan Kebangsaan merupakan khazanah warisan negara yang bernilai tinggi telah dipilih dan diangkat sebagai warisan negara didaftarkan secara rasmi dalam senarai Warisan Kebangsaan. Warisan Kebangsaan telah dilindungi undang-undang daripada menceroboh, menggali tanpa lesen, mengeluarkan, dan menjual ke luar negara. Peruntukan sepenuhnya Seksyen 114 adalah seperti berikut:

Seksyen 114. (1) Tiada seseorang pun boleh, tanpa kelulusan bertulis Pesuruhjaya, memindahkan, merobohkan, mengalihkan, mengubah, mengubah elok, mengeksport, menambah kepada atau menguruskan mana-mana Warisan Kebangsaan kecuali dalam hal keperluan yang segera dan serta-merta bagi keselamatan orang atau harta.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan

boleh apabila disabitkan dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau kedua-duanya.

Begitu juga kesalahan melanggar peruntukan yang ditetapkan pada peruntukan Seksyen 114 (1) boleh dikenakan denda dan penjara mengikut perbuatan. Kesalahan yang melanggar peraturan yang ditetapkan hukuman penjara tidak melebihi tempoh 5 tahun dan denda pula tidak melebihi 50 ribu ringgit atau kedua-duanya. Namun begitu, mahkamah boleh menjatuhkan hukuman penjara dan denda sehingga maksimum untuk memberi kesedaran betapa pentingnya harta warisan untuk negara dan masyarakat.

Peruntukan pada Seksyen 118 bertujuan mengenakan hukuman kepada sesuatu kesalahan di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Akta ini yang tiada dinyatakan hukuman boleh dikenakan hukuman yang lebih keras dan tegas. Menurut peruntukan Seksyen 118 (1) bagi kesalahan kali pertama hukuman yang dikenakan boleh disabitkan denda tidak melebihi RM50 ribu dan penjara tidak melebihi tempoh 5 tahun atau kedua-duanya sekali. Bagi kesalahan kali kedua atau berikutnya tiada berkompromi lagi boleh didenda tidak melebihi RM100 ribu atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 10 tahun atau kedua-duanya.¹⁸

Peruntukan Seksyen 118 (2) turut menyatakan secara jelas mengenai kerosakan, pencerobohan, dan pembinasaan sesuatu butiran warisan memerlukan pembayaran tambahan apabila mahkamah memerintah pihak bersalah. Pembayaran ini meliputi kos pembaikan, pembaikpulihan dan pembina semula butiran warisan itu.

Penguatkuasaan terhadap hukuman dan denda dapat dilaksanakan dengan sebaiknya, pihak bertanggungjawab dapat menjalankan tugas dan peranan yang tegas dalam usaha menghalang berlakunya kebocoran seperti perjualan artifak di pasaran gelap dan pencerobohan di tapak-tapak bersejarah. Hukuman dan tegas yang berat seperti termaktub pada peruntukan seksyen dalam Akta 645 menggambarkan kesungguhan pihak bertanggungjawab dan berwajib melaksanakan tanggungjawab memelihara dan menguatkuasakan undang-undang dipatuhi oleh semua pihak. Kesungguhan dalam penguatkuasaan secara tidak langsung telah berjaya mengurangkan berlakunya kegagalan mematuhi undang-undang itu.

KESIMPULAN

Warisan negara merupakan khazanah yang bernilai dan menjadi kebanggaan negara dan rakyatnya, namun jika tidak dijagai, kurang diberi perhatian dan kawalan pembangunan modenisasi serta landskap boleh menjejaskan warisan negara itu sendiri. Penjagaan dan perlindungan perlu selari dengan keghairahan untuk menjual warisan negara di mata dunia. Keperluan perlindungan dan penjagaan dari segi pemeliharaan amat penting untuk menjadi tatapan generasi seterusnya mengenai pemilikan warisan yang kita ada sebelum itu. Negara memerlukan sesuatu garis panduan atau peraturan untuk mengawal dan memantau supaya warisan dapat dikekalkan dan dipelihara.

Bagi mengelakkan berlaku kerosakan, kemusnahan dan kepupusan perlu ada peruntukan perlindungan yang sewajarnya dari segi undang-undang. Peruntukan undang-undang dapat memberi jaminan mengenai keselamatan dan perlindungan yang tegas, peruntukan pada setiap seksyen yang ada dapat memberi dan memenuhi keperluan perlindungan sepatutnya. Perlindungan ini bermakna kerana dapat dilakukan secara bersistematik mengikut peruntuk-peruntukan yang termaktub dalam undang-undang perlindungan warisan. Perkembangan globalisasi dan pembangunan modenisasi memerlukan pengubalan

undang-undang yang komprehensif dan menyeluruh supaya dapat menangani dan menyelesaikan masalah yang berlaku berkaitan warisan negara. Keperluan perundangan amat penting untuk memberi perlindungan kepada warisan negara kerana penerimaan dan pengiktirafan undang-undang oleh semua pihak dalam negara atau luar negara. Penerimaan dan pengiktirafan undang-undang telah menunjukkan kepentingan undang-undang tidak boleh dicabar secara sebarangan kerana perlu melalui prosedur yang ditentukan dan ditetapkan. Pewartaan Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645) membuktikan kesungguhan pihak kerajaan untuk memberi perlindungan yang sewajar dan sepatutnya kepada warisan negara. Hal ini bermakna perlindungan dan pemeliharaan terhadap warisan negara terpelihara dan berada di tempat sepatut kerana khazanah yang bernilai tinggi dan sukar untuk dicari ganti.

Selain itu undang-undang tersebut perlu dikuatkuasakan secara tegas supaya khazanah negara yang bernilai tinggi dapat dielakkan dari dijual di pasaran gelap atau diseludup ke luar negara. Ketegasan yang terdapat akta ini dapat mengurangkan berlaku kehilangan atau kecurian warisan negara. Setakat ini penguatkuasaan telah berjalan dengan licin dan lancar dengan diuruskan secara tegas dan bersistematik mengikut peruntukan yang termaktub dalam perundangan akta itu. Pihak bertanggungjawab dapat menjalankan tugas dan peranan tanpa mempunyai rasa ada halangan atau sekatan daripada pihak yang tidak berkenaan. Dengan penguatkuasaan tersebut khazanah warisan negara dapat dikekalkan dalam penjagaan negara seterusnya mendapat tatapan generasi seterusnya.

¹ Perkara ini diperuntukkan di bawah seksyen 125, Akta 645 yang menyatakan; Seksyen 125. Pemansuhan dan kecualian:

(1) Tertakluk kepada subseksyen

(2), Akta Benda Purba 1976 dan Akta Harta Karun 1957 dimansuhkan.

Akta Harta Karun 1957 hendaklah terus terpakai bagi Negeri-negeri yang tidak menerima pakai peruntukan Bahagian XI Akta ini melalui suatu undang-undang yang dibuat oleh Badan Perundangan bagi negeri yang berkaitan melalui Fasal (3) Perkara 79 Perlembagaan Persekutuan.

(3) Semua penetapan, peraturan, kaedah, undang-undang kecil, pengecualian, arahan dan perintah yang dibuat, semua daftar yang disimpan dan semua perakuan yang diberikan atau yang mempunyai kesan di bawah undang-undang atau perintah yang dimansuhkan oleh seksyen ini dan yang berkuat kuasa atau mempunyai kesan pada permulaan kuat kuasa Akta ini, hendaklah (tanpa menjejaskan kuasa Menteri untuk meminda peraturan-peraturan, kaedah-kaedah dan undang-undang kecil atau untuk meminda, membatalkan atau menarik balik pengecualian, arahan atau perakuan melalui perintah atau arahan yang dibuat di bawah peruntukan yang berkenaan Akta ini dan tertakluk kepada apa-apa ubah suaian yang perlu untuk menyelaraskan peraturan-peraturan, kaedah-kaedah, undang-undang kecil, pengecualian, arahan atau perintah dengan Akta ini) terus berkuat kuasa dan mempunyai kesan seolah-olah ia telah dibuat, disimpan atau diberikan di bawah Akta ini, sehingga diperuntukkan selainnya di bawah Akta ini.

² ‘Pihak berkuasa perancang tempatan’ hendaklah mempunyai erti yang sama yang diberikan kepadanya oleh Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) di Semenanjung Malaysia dan pihak berkuasa perancang yang berwibawa di bawah undang-undang Negeri Sabah dan Sarawak.

- 3 Daftar Warisan Kebangsaan, Seksyen 23
(1) Pesuruhjaya hendaklah mewujudkan dan menyenggarakan suatu daftar yang dikenali sebagai Daftar Warisan Kebangsaan sebagaimana yang ditetapkan yang mengandungi senarai butiran warisan yang didaftarkan di bawah Akta ini.
(2) Pesuruhjaya hendaklah menjadikan Daftar tersedia untuk pemeriksaan awam tertakluk kepada apa-apa syarat sebagaimana yang difikirkannya patut.
(3) Mana-mana orang boleh apabila dibayar fi yang ditetapkan oleh Majistret -
(a) memeriksa Daftar; dan
(b) membuat salinan, atau mengambil cabutan daripada, Daftar.
- 4 Seksyen 2; Dalam Akta ini, sebutan mengenai Pihak Berkuasa Negeri berhubung dengan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Labuan dan Wilayah Persekutuan Putrajaya hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai Menteri yang bertanggungjawab bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Labuan dan Wilayah Persekutuan Putrajaya.
- 5 Bidang pemuliharaan dan pemeliharaan harta warisan meliputi semua yang berkaitan dengan warisan seperti warisan budaya ketara, warisan budaya tidak ketara, warisan semula jadi, warisan di bawah air dan tokoh orang hidup yang berkaitan dengan warisan. Bermakna setiap sesuatu yang diterima secara turun-temurun oleh seseorang atau kelompok masyarakat terdahulu dikelaskan sebagai warisan yang perlu dipulihara dan pelihara. Lihat kepada Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645).
- 6 Seksyen 4
(1) Maka hendaklah dilantik oleh Menteri, seorang pegawai yang dikenali sebagai “Pesuruhjaya Warisan” bagi maksud menjalankan kuasa dan fungsi yang diberikan kepada Pesuruhjaya di bawah Akta ini.
(2) Pelantikan Pesuruhjaya hendaklah disiarkan dalam Warta.
(3) Pesuruhjaya yang dilantik di bawah subseksyen (1) hendaklah menjadi suatu pertubuhan perbadanan yang kekal turun-temurun dan mempunyai suatu meterai perbadanan.
(4) Pesuruhjaya boleh membawa guaman dan dibawa guaman atas namanya.
(5) Pegawai yang dilantik menjadi Pesuruhjaya hendaklah memegang jawatan selama tempoh tidak lebih daripada tiga tahun dan adalah layak untuk dilantik semula.
- 7 Seksyen 6; Fungsi Pesuruhjaya adalah seperti yang berikut:
(a) untuk menentukan penetapan tapak, pendaftaran objek dan warisan kebudayaan di bawah air;
(b) untuk mewujudkan dan menyenggarakan Daftar dan untuk menentukan dan menetapkan kategori warisan yang hendak disenaraikan dalam Daftar;
(c) untuk mengawasi dan menyelia pemuliharaan, pemeliharaan, pembaikpulihan, penyenggaraan, penggalakan, pemameran dan kemudahan akses warisan;
(d) untuk menggalakkan dan memudahkan apa-apa penyelidikan yang berhubungan dengan warisan.
- 8 Seksyen 10 (1) Majlis hendaklah terdiri daripada anggota yang berikut:
(a) Pengerusi, yang hendaklah dilantik oleh Menteri;
(b) Ketua Setiausaha Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan atau wakilnya;
(c) Ketua Setiausaha Kementerian Pelancongan atau wakilnya;
(d) Ketua Pengarah Perancangan Bandar dan Desa atau wakilnya;
(e) Ketua Pengarah Jabatan Muzium dan Antikuiti atau wakilnya;

(f) Pesuruhjaya; dan

(g) tidak lebih daripada enam anggota lain, sekurang-kurangnya seorang daripadanya ialah pegawai awam yang mempunyai pengalaman atau kepakaran berhubung dengan pengurusan, pemuliharaan atau pemeliharaan tapak dan objek semula jadi atau warisan kebudayaan yang penting, yang hendaklah dilantik oleh Menteri.

9 Seksyen 12. Tertakluk kepada seksyen 13, anggota yang dilantik di bawah perenggan 10 (a) atau (g) hendaklah, melainkan jika dia meletakkan jawatannya terlebih dahulu atau pelantikannya terlebih dahulu dibatalkan, memegang jawatan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri pada masa pelantikannya dan adalah layak untuk dilantik semula.

10 Seksyen 2, ‘Penduduk’ termasuklah orang yang bercucuk tanam atau orang sebenarnya memiliki, menguruskan atau mengawal mana-mana tanah, dan termasuklah mana-mana orang yang mempunyai milikan atau kawalan mana-mana harta alih di premis atau tanah.

11 Seksyen 38.

(1) Jika tapak warisan terletak di atas tanah beri hak milik, Pesuruhjaya boleh selepas berunding dengan Pihak Berkuasa Negeri-

(a) membuat perkiraan dengan pemunya atau penduduk bagi pemeriksaan, penyenggaraan, pemuliharaan dan pemeliharaan tapak warisan itu;

(b) membeli atau memajakkan tapak warisan itu;

(c) memperoleh tapak warisan itu mengikut peruntukan mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan pengambilan tanah bagi maksud awam; atau

(d) memindahkan keseluruhan atau mana-mana bahagian bangunan atau monumen di atas tapak warisan itu.

(2) Jika pemunya atau penduduk bersetuju dengan apa-apa perkiraan di bawah perenggan 1(a), Pesuruhjaya boleh membuat sumbangan bagi kos menjalankan apa-apa kerja pembaikan atau pemuliharaan yang difikirkan perlu.

12 Seksyen 2; “pihak berkuasa perancang tempatan” hendaklah mempunyai erti yang sama yang diberikan kepadanya oleh Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [Akta 172] di Semenanjung Malaysia dan pihak berkuasa perancang yang berwibawa di bawah undang-undang Negeri Sabah dan Sarawak.

13 Peruntukan penuh Seksyen 41.

(1) Jika Pesuruhjaya, dengan persetujuan Pihak Berkuasa Negeri, berpuas hati bahawa mana-mana monumen yang dianggap sesuai untuk didaftarkan sebagai tapak warisan adalah dalam keadaan usang atau dalam bahaya hampir dirobohkan, dimusnahkan, dirosakkan atau diubah, Pesuruhjaya hendaklah menyampaikan kepada pemunya monumen itu suatu Perintah Pemeliharaan Monumen sementara menunggu kelulusan pendaftarannya.

(2) Perintah Pemeliharaan Monumen hendaklah mengandungi apa-apa syarat sebagaimana yang dinyatakan.

(3) Perintah Pemeliharaan Monumen hendaklah mula berkuat kuasa sebaik sahaja Perintah itu disampaikan kepada pemunya monumen itu.

(4) Perintah Pemeliharaan Monumen hendaklah terus berkuat kuasa selama tempoh sembilan puluh hari dari tarikh Perintah itu disampaikan dan boleh dilanjutkan oleh Pesuruhjaya selama apa-apa tempoh masa yang difikirkannya patut.

(5) Walau apa pun subseksyen (4), Perintah Pemeliharaan Monumen hendaklah terhenti

berkuat kuasa-

(a) jika monumen itu ditetapkan sebagai suatu tapak warisan; atau

(b) jika Pesuruhjaya memutuskan tidak menetapkan monumen itu sebagai suatu tapak warisan.

(6) Mana-mana orang yang melanggar Perintah Pemeliharaan Monumen melakukan suatu kesalahan.

14 Seksyen 43 adalah seperti berikut;

(1) Seseorang pemunya tapak warisan boleh, bagi maksud menjalankan apa-apa kerja pemuliharaan dan pemeliharaan di atas tapak warisan itu memohon kepada Pesuruhjaya bagi apa-apa pemberian atau pinjaman.

(2) Pesuruhjaya boleh, selepas berunding dengan Majlis dan Pihak Berkuasa Negeri, membuat perkiraan dengan pemunya sesuatu tapak warisan untuk menjalankan apa-apa kerja pemuliharaan dan pemeliharaan yang difikirkan sesuai oleh Pesuruhjaya.

(3) Pesuruhjaya boleh, dengan kelulusan Majlis, mengeluarkan pemberian atau pinjaman yang perlu dibayar daripada Kumpulan Wang bagi kerja-kerja pemuliharaan dan pemeliharaan itu.

(4) Pesuruhjaya boleh, apabila memberikan pemberian atau pinjaman itu, mengenakan apa-apa syarat sebagaimana yang difikirkannya sesuai ke atas pemunya.

15 Seksyen 2; 'objek' termasuklah mana-mana benda purba boleh alih, warisan kebudayaan ketara, warisan kebudayaan tidak ketara dan objek bersejarah tetapi tidak termasuk harta karun.

16 Peruntukan penuh Seksyen 61,

(1) Mana-mana orang yang menjumpai suatu warisan kebudayaan di bawah air di dalam perairan Malaysia hendaklah, secepat yang dapat dilaksanakan, memberikan notis mengenai jumpaan itu kepada Pesuruhjaya atau pegawai pelabuhan.

(2) Pegawai pelabuhan apabila menerima notis itu hendaklah secepat yang dapat dilaksanakan memberitahu, dan jika mungkin menyerahkan warisan kebudayaan di bawah air itu kepada, Pesuruhjaya.

(3) Pesuruhjaya boleh, apabila berpuas hati bahawa warisan kebudayaan di bawah air mempunyai warisan kebudayaan yang penting, menyebabkannya disenaraikan dalam Daftar.

(4) Mana-mana orang yang tidak memberikan notis di bawah subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan.

17 Seksyen 2 menyatakan "Warisan Kebangsaan" ertinya mana-mana tapak warisan, objek warisan, warisan kebudayaan di bawah air atau mana-mana orang hidup yang diisytiharkan sebagai Warisan Kebangsaan di bawah seksyen 67.

18 Peruntukan penuh Seksyen 118.

(1) Mana-mana orang yang melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Akta ini yang tiada penalti diperuntukkan secara nyata boleh apabila disabitkan didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya, dan bagi kesalahan kedua atau yang berikutnya dia boleh didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

(2) Jika kesalahan yang dilakukan mengakibatkan kerosakan kepada atau perobohan atau pembinasaan sesuatu butiran warisan, mahkamah boleh memerintahkan orang itu

membayar, sebagai tambahan kepada apa-apa penalti yang dikenakan di bawah subseksyen (1), kos pembaikan, pembaikpulihan atau pembinaan semula butiran warisan itu.

RUJUKAN

- Abdul Azizi Husin (ed.). 2011. *Pemuliharaan dan pemeliharaan warisan di Malaysia*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Abdul Munir Yaacob. 1989. *An introduction to Malaysian Law*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Amelia Abdul Aziz. 1993. Kesan inovasi teknologi komunikasi kini ke atas sosio-budaya masyarakat Malaysia. *Jurnal Komunikasi, Malaysian Journal of Communication* 9: 27-35.
- Campbell, G. 2003. *Heritage Law and Policy: Listed building and conservation areas*. Cambridge: Palladian Law.
- Garbara, T. (ed.). 2006. *Art and cultural heritage: Law, policy and practice*. Cambridge: Cambridge University of Press.
- Johan Afendi Ibrahim & Mohd Zaki Ahmad. 2012. *Perancangan dan pembangunan pelancongan*. Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia.
- Malaysia. 2005. *Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645)*. Kuala Lumpur: Jabatan Penerbitan Negara.
- Mohamed Anwar Omar Din. (Peny.). 2008. *Asas kebudayaan dan kesenian Melayu*. Bangi: Penerbitan UKM.
- Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff. 2015. Undang-undang dan akta perlindungan warisan kebudayaan di Malaysia: Satu analisis perkembangannya. Tesis Doktor Falsafah tidak diterbitkan, Pusat Pengajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff, Hanapi Dollah & Ab. Samad Kechot. 2013. Perlindungan harta warisan: Keberkesanan usaha pemuliharaan dan pemeliharaan dalam pembangunan negara. *GEOGRAFIA Online Malaysia Journal of Society and Space* 9 issue 2: 64-77.
- Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff, Hanapi Dollah & Ab. Samad Kechot. 2011. Akta Warisan Kebangsaan 2005: Tinjauan sepintas lalu. *Jurnal Melayu* (8) 2011: 207-230.
- Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff, Hanapi Dollah & Ab. Samad Kechot. 2010. Pembangunan warisan di Malaysia: Tinjauan umum tentang dasar. *Jurnal Melayu* (5) 2010: 277-283.
- Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff, Mohamad Nazri Ahmad & Mohamed Anwar Omar Din. 2009. Pembangunan warisan di Malaysia: Tinjauan umum tentang dasar. *Jurnal Melayu* (4) 2009: 143-160.
- Norliza Rofli & Eddin Khoo (Pngr.). 2009. *Kebudayaan Malaysia: satu pengenalan*. Kuala Lumpur: Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara.
- Ooi Keat Gin (ed). 2012. *Warisan wilayah utara Semenanjung Malaysia*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Yazid Saleh. 2010. *Pengenalan pemuliharaan bandar Kuala Lumpur*: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Biodata Penulis:

Mohd Yuszaidi Mohd Yusoff

Penulis merupakan pensyarah di Pusat Pengajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang beliau ialah kebudayaan Melayu dengan menumpu kepada kajian warisan budaya, sosiobudaya dan pemuziuman.

Muammar Ghaddafi Hanafiah

Penulis merupakan pensyarah di Pusat Pengajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang beliau ialah kebudayaan Melayu dengan menumpu kepada pemikiran dan falsafah Melayu Islam dan kajian budaya Melayu.